

NAMA : _____

KELAS : _____



Baca dan fahami petikan di bawah. Kemudian, lengkapkan ayat.

SP 2.3.2 (iv)

LINTASAN UNDAK

Lintasan undak disediakan untuk memudahkan pejalan kaki melintas jalan. Sebelum melintas jalan, kita perlulah menekan butang pada tiang lampu isyarat undak. Kita tidak boleh melintas jalan jika tanda isyarat melintas masih berwarna merah. Kita hendaklah menunggu sehingga tanda isyarat melintas berwarna hijau. Kemudian, barulah kita boleh melintas jalan.

Semua pemandu haruslah memberhentikan kenderaan masing-masing. Langkah ini amat penting bagi memberikan laluan kepada pejalan kaki untuk melintas jalan.



Tunggu sekiranya tanda isyarat melintas berwarna merah.

Lintas jalan sekiranya tanda isyarat melintas berwarna hijau.

Cara-cara Melintas Jalan Menggunakan Lintasan Undak

- 1 Tekan butang yang terdapat pada _____.
- 2 Jangan melintas jika tanda isyarat melintas _____.
- 3 Tunggu sehingga tanda isyarat melintas _____.